



EMBARGO: Tidak boleh dicetak atau disiarkan di mana-mana platform media sosial sebelum jam 12.00 tengah hari, 29 Mei 2026

Untuk Terbitan Media
29 Mei 2026

SIARAN MEDIA

KEJURUTERAAN, TEKNIKAL KUASAI PASARAN BURUH TETAPI ISU KETIDAKPADANAN KEMAHIRAN TERUS JADI CABARAN

KUALA LUMPUR: Sektor kejuruteraan dan teknikal kini muncul sebagai pemacu utama pasaran buruh negara dengan mendominasi lebih satu pertiga daripada keseluruhan kategori '*Stellar Jobs*'.

'*Stellar Jobs*' merujuk kepada istilah yang digunakan bagi kategori pekerjaan berprestasi tinggi dan paling mendapat permintaan dalam pasaran ketika ini.

Berdasarkan petunjuk pasaran buruh yang dikeluarkan oleh Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) melalui platform MYFutureJobsGalaxy, kedua-dua bidang terbabit mencatatkan taburan sektor tertinggi mencecah 31.3 peratus.

PERKESO menerusi kenyataan memaklumkan, antara jawatan kritikal yang menjadi rebutan majikan termasuk kerjaya jurutera automasi, jurutera kimia, jurutera awam dan jurutera tenaga boleh baharu.

"Dominasi ketara ini memberikan isyarat jelas kepada institusi pendidikan, pelajar dan ibu bapa mengenai hala tuju pasaran kerja tempatan yang paling stabil serta menawarkan potensi kemajuan kerjaya yang kukuh untuk perancangan masa depan," menurut kenyataan tersebut.

Bagaimanapun, di sebalik lambakan peluang dalam sektor berkenaan, PERKESO menyatakan bahawa landskap pekerjaan negara berdepan cabaran makro yang serius apabila golongan majikan mula menyuarakan keluhan mengenai krisis kekurangan bakat dalam sektor tertentu.

Mengikut data PERKESO, isu utama pasaran buruh ketika ini bukan mengenai masalah kekurangan peluang pekerjaan, sebaliknya kesukaran majikan untuk mendapatkan tenaga kerja yang memiliki kemahiran teknikal yang tepat.

"Majikan melaporkan sektor industri kini berdepan kekangan kritikal dalam merekrut bakat yang mempunyai kepakaran teknikal serta profesional yang spesifik.

"Isu ini melibatkan penawaran tenaga pakar yang tidak sepadan dengan lonjakan permintaan bagi bidang kejuruteraan automasi, proses kimia dan analisis data korporat bagi memacu transformasi digital,"

PERKESO menegaskan bahawa isu ketidakpadanan kemahiran ini membangkitkan persoalan mengenai keberkesanan kurikulum semasa di peringkat pengajian tinggi dan institusi yang menerapkan program berteraskan latihan dan praktikal.

Selain isu kemahiran, analisis data berkenaan mendedahkan realiti industri yang agak membimbangkan

membabitkan sektor kesihatan dan sains hayat.

Walaupun memegang status *Stellar Jobs* berikutan lonjakan keperluan kesihatan domestik, pasaran masih meletakkan nilai pendapatan rendah bagi tenaga kerja yang dikategorikan sebagai kumpulan profesional ini.

Sebagai contoh, kerjaya jururawat diiktiraf sebagai antara jawatan paling kritikal, namun struktur penawaran gaji menunjukkan kadar permulaannya adalah serendah RM2,800 sebulan.

"Tahap pendapatan ini dilihat sangat berbeza jika dibandingkan dengan peranan peguam atau akauntan di bawah status *Stellar Jobs* yang sama apabila mampu mencecah sehingga RM12,000 sebulan.

"Keadaan ini dikhuatiri akan terus memburukkan lagi isu penghijrahan bakat tempatan (*brain drain*) ke luar negara, memandangkan struktur gaji domestik bagi sektor kritikal negara dilihat belum cukup berdaya saing untuk mengekalkan bakat-bakat terbaik di dalam negara," menurut PERKESO.

##TAMAT##

Mengenai LINDUNG

LINDUNG ialah penjenamaan semula skim perlindungan keselamatan sosial PERKESO yang dilancarkan pada 22 Ogos 2025 sebagai langkah strategik memperkukuh peranan dalam melindungi rakyat. Pendekatan ini lebih segar, inklusif, mudah diingati dan berimpak tinggi bagi menyampaikan mesej perlindungan sosial secara meluas dan berkesan. Ia bertujuan memperluas capaian, meningkatkan kesedaran serta memperkukuh kepercayaan rakyat terhadap PERKESO sebagai pelindung utama keselamatan sosial. Di bawah penjenamaan ini, Akta 4 dikenali sebagai **LINDUNG PEKERJA**, Akta 800 sebagai **LINDUNG KERJAYA**, Akta 789 (SKSPS) sebagai **LINDUNG KENDIRI**, dan Akta 838 (SKSSR) sebagai **LINDUNG KASIH**. Maklumat lanjut di www.perkeso.gov.my.

Dikeluarkan oleh:

Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Korporat

29 Mei 2026